

---

## Abstrak

---

Kertas projek ini menggariskan beberapa prinsip penting dalam penerbitan dalam talian. Tumpuan khusus diberikan kepada akhbar dalam talian *The Star*. Dalam kajian ini, saya ingin mengaitkan prinsip-prinsip perekaan media cetak dengan media elektronik dan juga beberapa prinsip perekaan media dalam talian yang dapat membantu pereka dokumen atau laman web untuk menghasilkan laman-laman web yang lebih menarik, interaktif dan dapat menyampaikan maklumat kepada pengguna dengan sempurna.

Selain daripada membincangkan elemen-elemen perekaan bahan elektronik, saya juga akan membezakan kedua-dua media ini, iaitu media tradisional cetak dan media elektronik untuk melihat perbezaan yang wujud hasil daripada pengenalan Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Teori-teori penting seperti teori Komunikasi Bantuan Komputer dan kajian mengenai pembentukan sosial teknologi dibincangkan untuk memperlihatkan kaitan serta resapan antara perkembangan media elektronik dengan masyarakat. Hasil kajian ini diharap dapat membantu para pereka laman web muda untuk menghasilkan laman-laman dalam talian yang lebih efektif dan dapat mencapai kehendak pengguna.

Kertas projek ini dihasilkan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Saya turut menyediakan dua buah soal selidik. Kajian soal selidik pertama adalah untuk mendapatkan pendapat para responden dalam bidang perekaan dalam talian ini. Kajian kedua adalah mengenai kajian kepenggunaan. Kajian ini penting untuk mendapatkan pandangan pengguna terhadap aspek rekabentuk dan rekaletak laman web kerana mereka adalah pengguna utama. Selain melihat pada bahan-bahan terbitan mengenai prinsip-prinsip perekaan, saya juga menggunakan perkhidmatan laman web syarikat-syarikat penerbitan dalam talian yang menggunakan beberapa garis panduan dalam dunia perekaan elektronik ini.

Pada akhir kajian, saya mendapati betapa pentingnya aspek perekaan dalam menghasilkan sesebuah bahan elektronik. Ini adalah kerana pandangan pengguna sentiasa berubah dan sebagai seorang pereka kita harus peka terhadap pandangan mereka. Kajian kepenggunaan laman web *The Star Online* juga dijalankan untuk mendapatkan

pandangan pembaca mengenai aspek rekabentuk dan rekaletak laman web ini. Selain daripada itu, saya juga dapati laman web *The Star Online* merupakan sebuah laman web yang banyak mementingkan aspek perekaan. Sebagai sebuah agensi berita tempatan, mereka harus menjaga imej dan status korporat mereka.